



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KRAF BATIK TRADISIONAL:
TINJAUAN DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN 4 SEBUAH
SEKOLAH MENENGAH HARIAN
DAERAH KUALA SELANGOR**

MASDIANA BINTI SULAIMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2008



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

“ Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil penulisan saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasannya yang mana setiap satunya telah diperjelaskan segala sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : MASDIANA BINTI SULAIMAN

No.Pendaftaran: M20061000177

Tarikh : 10.10.2008

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Illahi di atas nikmat dan rahmatnya maka dapat saya menyiapkan tugas desertasi ini.

Bagi kesempatan yang terhad dan amat berharga ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Mohd Johari Bin Ab. Hamid pensyarah dari Fakulti Seni dan Muzik yang telah banyak membantu dan memberi panduan dalam proses awal penghasilan disertasi ini. Terima kasih juga di atas kesudian beliau dalam membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan disertasi ini. Semoga Allah S.W.T akan melimpahkan kerahmatan dan kesejahteraan ke atas beliau dan seluruh ahli keluarganya.

Ucapan terima kasih juga dihulurkan buat Pengetua, guru-guru serta pelajar-pelajar sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini kerana memberikan kerjasama yang baik dan berkesan dalam proses saya menyiapkan disertasi ini.

Terima kasih buat ayahanda dan bonda iaitu Tn. Hj. Sulaiman Bin Hj. Mohd Dom dan Pn. Hajah Aisah Binti Abdul Majid. Buat suami tersayang Noorazman Bin Hj. Kasmin serta anak-anak yang dikasihi Noor Izzat, Muhammad Iqbal dan Muhammad Iffat. Tidak lupa rakan-rakan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi kerjasama, pandangan, dorongan dan bantuan dalam apa jua bentuk bagi menyiapkan disertasi ini. Terima kasih semuanya.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meninjau keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kraf Batik Tradisional Tingkatan Empat sekolah menengah harian di Daerah Kuala Selangor. Di samping kajian dapat juga melihat apakah tahap penguasaan dan pemahaman responden dalam seni kraf batik. Kajian ini adalah kajian tinjauan yang menggunakan tiga set instrument berupa borang soal selidik, Ujian Teori Kraf Batik, dan soalan temu bual pelajar. Pendidikan yang berkesan datangnya dari disiplin yang kukuh yang ditimba dari budaya bangsa yang tinggi martabatnya. Keberkesanannya pula adalah tertakluk kepada penghayatan serta perlaksanaannya terhadap masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kraf batik di dalam kelas. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di Daerah Kuala Selangor iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram, Kuala Selangor, khususnya di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat Budi. Soal selidik dan temu bual antara guru dan pelajar digunakan untuk mendapatkan jawapan yang tepat dan munasabah. Selain itu pelajar akan diuji dengan menjawab 20 soalan pemahaman mengikut aras Teksonomi Bloom. Dapatan kajian ini dirumus agar dapat mencari jawapan yang tepat. Kajian keberkesanan kraf batik di sekolah dalam konteks pengajaran dan pembelajaran adalah gabungan penerapan nilai murni beserta pengajaran kemahiran, pemahaman dan penghargaan pelajar terhadap seni kraf. Ia dilihat untuk memastikan perkembangan pemikiran pelajar bersama-sama dengan pemupukan nilai-nilai menghargai keindahan dan kebaikan, ini selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dapatan kajian ini juga mendapati pelbagai masalah yang timbul semasa pengendalian pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah. Antara masalah yang dihadapi adalah penyediaan bahan, dan kelengkapan peralatan untuk membatik serta keadaan kelas untuk aktiviti kraf batik kurang memuaskan. Berasaskan dapatan kajian ini, adalah dicadangkan agar di kalangan guru seni diberi kursus tentang gaya pembelajaran yang sesuai serta kriteria melantik guru seni yang benar-benar pakar dan terlatih dalam bidang kraf batik.

ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate to effectiveness of teaching and learning Tradisional Batik Craft on Form 4 students' of a secondary school in the district of Kuala Selangor. In addition, this study reveals respondents level of attainment and under standing on the art of batik craft. This is an obserrational study which uses three sets of instruments; questionnaires, theoretical test on Batik Craft and students' interview. An efficient learning devires from a solid discipline which can be obtained from our prominent culture. The efficiency is based on the affection and accomplishment in society. Furthermore, this study examines the affectiveness of teaching and learning Traditional Batik Craft in class. The respondents of this study are students of Form 4 Budi, Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram, Kuala Selangor. Questionnaires and interviews with teachers and students are used to gather lucid and precise. Findings besides, students will be assessed by answering 20 comprehension questions based the level of Bloom Texonomy. The findings of this study will be concluded to get an accurate answer. This is a blend study of the effectiveness of teaching and learning Traditional Batik Craft and the inculclation of good moral values among students. Besides, it provides understanding, skills and instills a sense of appreciation to art and craft. It also ensures that the development of students mentality on the values of appreciating speldor and aesthetics beauty will be aligred with National Education Philosophy. The findings of this study discover many difficulties arise in teachers process of teaching and learning in school. Some of them are preparation of materials, be deficient in device or means to produce Batik and inappropriate classroom environment for craft activities. Finally, this study puts forward recommendations art teachers are suggested to be given a course on right and proper teaching techniques and only teachers with good criterias, trained and qualified should be elected in the field of Batik Craft.

**KANDUNGAN****PERKARA****HALAMAN**

Halaman Judul	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Kandungan	vi - x
Senarai Graf	xi
Senarai Jadual	xii - xiii
Senarai Rujukan	xiv
Senarai Lampiran	xv

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1 - 7
	1.1.1 Pendidikan	7 - 10
	1.1.2 Latar Belakang Sejarah Pendidikan Di Malaysia	11 - 12
	1.1.3 Latar Belakang Sejarah Pendidikan Seni Di Malaysia	12 - 16
	1.1.4 Pendidikan Seni Untuk Tujuan Perpaduan	16 - 17
	1.1.5 Pendidikan Kraf dan Matlamat	17 - 20
	1.1.6 Tujuan Pendidikan Kraf Batik	20
1.2	Latar Belakang Kajian	21 - 23





1.3	Pernyataan Masalah	23 - 24
1.4	Tujuan Kajian	24
1.5	Soalan Kajian	25
1.6	Kepentingan Kajian	28 - 26
1.7	Batasan Kajian	26

BAB 11 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	27 - 37
2.2	Pendidikan Seni Visual	37 - 41
2.3	Pendidikan Kraf	41 - 43
2.4	Kraf Batik dan Sejarah Kewujudannya	43 - 45
	2.4.1 Tokoh-tokoh Batik	45 - 46
	2.4.2 Teknik Menghasilkan Batik	46
	2.4.3 Motif Batik	46 - 48
	2.4.4 Susunan Reka Bentuk Motif	48
2.5	Rumusan	48 - 49

BAB 111 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	50 - 51
3.2	Reka Bentuk Kajian	51 - 53
3.3	Tatacara Kajian	53
	3.3.1 Perancangan Awal	53



3.3.2	Memohon Kebenaran	53
3.3.3	Penentuan Tarikh	54
3.4	Tempat Kajian	54
3.5	Sampel Kajian	54
3.6	Instrumen Kajian	55 - 56
3.6.1	Soal Selidik	56
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	56 - 57
3.8	Pengumpulan dan Analisis Data	57
3.9	Kesimpulan	58

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	59 - 60
4.2	Dapatan Kajian Melalui Soal Selidik	60 – 61
4.2.1	Latar Belakang Responden	61
4.2.2	Pandangan Responden Berhubung Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual Dalam Kraf Batik	62 - 63
4.2.3	Maklumat Keputusan Pencapaian Soalan Teori Pemahaman Seni Kraf Batik	63 - 72
4.2.4	Soal Selidik Sesi Temu Bual	73 - 74
4.3	Rumusan	74

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	75 - 76
5.2	Perbincangan	76 - 77
5.2.1	Latar Belakang Responden	77
5.2.2	Tahap Intelektual dan Pemahaman Pelajar	78
5.3	Kaedah Yang Sesuai Serta Berkesan Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Kraf Batik	78 - 79
5.4	Permasalahan Yang Dihadapi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kraf Batik Di Sekolah	80
5.4.1	Kekurangan Guru Pendidikan Seni Terlatih	80
5.4.2	Pengecualian Kertas Pendidikan Seni	80
5.4.3	Ketiadaan Bilik Seni Yang Lengkap	80
5.4.4	Guru Kurang Kemahiran	81
5.4.5	Kekurangan Kelengkapan Bahan dan Peralatan	81
5.4.6	Penyediaan Buku Teks Pendidikan Seni	81 - 82
5.4.7	Pendekatan ICT Dalam Pengajaran Pendidikan Seni	82
5.4.8	Pembelajaran Di Luar Darjah	82
5.5	Cadangan	82 – 83
5.5.1	Mengadakan Kursus Kepada Guru Pendidikan Seni Visual Dari Semasa ke Semasa	83
5.5.2	Memberi Latihan Khusus Bagi Guru Bukan Opsyen Pendidikan Seni	83 - 84
5.5.3	Peranan Kementerian Pelajaran Malaysia	84
5.5.4	Penghasilan Portfolio Seni	84
5.5.5	Membina Jadual Anjal Pendidikan Seni	85

5.5.6	Penubuhan Jawatan Kuasa Khas Oleh Panitia	85
5.5.7	Menyediakan Bengkel Atau Studio Seni	85 - 86
5.5.8	Penyediaan Kelengkapan Peralatan dan Bahan	86
5.5.9	Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Muzium Seni Atau Galeri	86 - 87
5.5.10	Mengadakan Lawatan Ke Inforkraf Malaysia	87
5.6	Kesimpulan	87 - 88

RUJUKAN

LAMPIRAN



SENARAI GRAF

BILANGAN GRAF / TAJUK		HALAMAN
Graf 1 :	Latar Belakang Responden Menunjukkan Jantina Pelajar	61
Graf 2 :	Menunjukkan Taburan Markah Ujian Teori Kraf Batik Tingkatan 4 Budi	63





SENARAI JADUAL

BILANGAN JADUAL / TAJUK

HALAMAN

Jadual 1: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 1	64
Jadual 2: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 2	64 - 65
Jadual 3: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 3	65
Jadual 4: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 4	65 - 66
Jadual 5: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 5	66
Jadual 6: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 6	66
Jadual 7: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 7	67
Jadual 8: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 8	67
Jadual 9: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 9	67 – 68
Jadual 10: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 10	68
Jadual 11: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 11	68 - 69
Jadual 12: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 12	69
Jadual 13: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 13	69 - 70
Jadual 14: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 14	70
Jadual 15: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 15	70
Jadual 16: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 16	71





Jadual 17: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 17	71
Jadual 18: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 18	71 - 72
Jadual 19: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 19	72
Jadual 20: Menunjukkan Jawapan Responden Terhadap Soalan 20	72
Jadual 21: Menunjukkan Jawapan Responden Dalam Sesi Temu Bual Pelajar	73





SENARAI RUJUKAN

PERKARA	HALAMAN
Bibliografi	89 - 91
Kertas Kerja	92
Akhbar	93
Majalah	94
Internet	95



SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran : Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan.
- Lampiran A: Borang Soal Selidik
- Borang Butir-Butir Diri Guru-Guru Pendidikan Seni Visual.
- Lampiran B: Ujian Teori Kraf Batik Tingkatan Empat
- Kertas Jawapan OMR
- Lampiran C: Borang Soal Selidik Temu Bual Pelajar
- Borang Butir-Butir Diri Pelajar.
- Set Jawapan Temu Bual Pelajar.



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Kurikulum merupakan bidang ilmu yang amat penting dan dianggap nadi kepada proses pendidikan keseluruhannya. Ia merupakan satu kajian menentukan apakah perancangan, pemikiran dan keperluan pelajar yang bakal dijalankan di sekolah. Menurut Saedah Siraj (2000) bahawa bidang perkembangan kurikulum merupakan bidang yang agak baru di dalam dunia pendidikan di Malaysia walaupun kepentingan ilmu ini telah diiktiraf agak lama di peringkat antarabangsa. Oleh itu, masyarakat terutamanya para pendidik perlu didedahkan kepada konsep-konsep penting dalam bidang berkenaan dan juga memahami bagaimanakah kurikulum dibina dan seterusnya bagaimanakah caranya menilai keberkesanan atau prestasi kurikulum yang telah dilaksanakan. Justeru, konsep-konsep yang telah didedahkan dalam pengurusan serta proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.





Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam bentuk Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang baharu dalam semakan 2003 telah menerapkan sembilan strategi pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pelajar melalui beberapa pendekatan dalam membina kefahaman dan pengetahuan baru terutama dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual. Bidang Pendidikan Seni Visual kini bukanlah setakat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran bagi menghasilkan karya seni, malah mencakupi segala urusan kehidupan seharian manusia. Kini dalam bidang seni, seni kraf tangan tradisional Melayu adalah antara kandungan yang disenaraikan dalam kurikulum kebangsaan selain daripada lukisan dan catan. Pembelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) secara umumnya adalah untuk membina keupayaan bagi menghargai dan menilai apa yang dilihat oleh mata. Dalam aktiviti seni kraf, keupayaan menggunakan bahan daripada alam sekeliling sebagai sumber idea untuk menghasilkan motif-motif batik adalah mencerminkan cara hidup dan ciri-ciri abadi masyarakatnya.



Jikalau dilihat secara lebih mendalam ia meliputi pemahaman tentang simbol-simbol dan budaya yang terdapat di ruang lingkup kehidupan manusia secara universal. Jelas di sini bahawa kandungan kurikulum Pendidikan Seni Visual dalam penghasilan produk seni adalah melalui penghasilan kraf batik. Menerusi aktiviti ini pelajar diberi peluang untuk membina kemahiran psikomotor iaitu dalam kemahiran teknik menggunakan canting. Olahan idea daripada motif-motif alam semula jadi dalam penghasilan seni kraf batik juga dapat membina nilai yang positif bagi menyuburkan domain afektifnya. Seterusnya pengajaran dan pembelajaran kraf batik ini akan menjadi teras kepada pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah.

Dalam melihat kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kraf batik, terdapat pelbagai pandangan yang mendasarkan bahawa seni itu bersangkutan dengan suatu proses yang subjektif dan berkaitan dengan perasaan, yang merupakan pengalaman individu menghasilkan produk, memerhati dan menterjemahkan makna visual kepada





bentuk seni yang semuanya adalah proses yang amat peribadi sifatnya. Jelas di sini bahawa pengaruh budaya kehidupan, tradisi dan warisan serta pengalaman seharian dapat melahirkan individu yang pandai tukang terutama di Kelantan dan Terengganu. Maka di luar jangkaan objektif penilaian dalam melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kraf batik ini, jika seni itu dinilai oleh orang lain terutama mata pelajaran PSV diajar oleh guru yang bukan obsyen. Sebenarnya perkara ini sudah lama dihujah dan dibahaskan. Sekiranya seni tidak boleh dinilai atau diukur secara rasional maka tiada tempat untuk mata pelajaran PSV dimuatkan ke dalam kurikulum pendidikan. (Best 1992).

Oleh kerana pelajaran PSV ini berbeza daripada mata pelajaran lain kerana melibatkan hasil kerja kreatif pelajar maka terdapat pelbagai kaedah dan alat sama ada secara tradisional atau alternatif yang boleh digunakan secara komprehensif untuk melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kraf batik. Keberkesanan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran PSV ini merupakan perkara utama dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai corak perubahan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Sistem pendidikan juga telah melalui perubahan sejajar dengan peredaran masa. Hari ini, dalam era globalisasi teknologi maklumat, penggunaan komputer bukan lagi menjadi sesuatu yang asing. Ini dapat dibuktikan melalui penggunaan perisian-perisian tertentu berdasarkan sukatan mata pelajaran PSV yang dapat memberikan pendedahan kepada pelajar untuk melahirkan atau mencetuskan idea penghasilan kraf batik dengan berkesan dalam aktiviti pembelajaran.

Penggunaan komputer dapat merangsang minat pelajar terhadap penghasilan pelbagai motif batik di samping membentuk daya kreativiti yang unggul. Justeru, perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi serta kesesuaian perkembangan masyarakat dapat mewujudkan pembangunan nasional dalam bidang pendidikan. Apabila menyentuh Pendidikan Seni di Malaysia pada masa kini, memang penuh dengan kritikan





dan mungkin boleh menimbulkan satu pemikiran untuk meninjau kembali struktur Pendidikan Seni di Malaysia. (Khusaini 2006). Memetik kata-kata beliau sebagai berikut:

"Pendidikan Seni juga menyumbang dalam membentuk individu supaya mempunyai identiti budaya sendiri serta memahami kepelbagaian budaya orang lain. Akhirnya ia akan melahirkan ilmuwan peka seni dan seniman berilmu. Antara perkara berkaitan sesuai dijadikan panduan dalam mewujudkan kurikulum seni dalam sistem persekolahan ialah tujuannya untuk masyarakat, pengseimbangan pertumbuhan pelajar, pengisian agenda pembangunan negara, aspek kenegaraan dan global."

(Khusaini, 2006:12)

Oleh itu, kualiti pengajaran dan penyediaan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang bermutu di sekolah boleh mewarnakan lagi kehidupan seharian pelajar-pelajar dengan pelbagai pengalaman yang mencabar seiring dengan perkembangan emosi, jasmani, mental, intelektual dan sosial mereka agar terus berkembang menerusi kegiatan PSV terutama dalam kraf tradisional tempatan.

Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan Pendidikan Seni Visual dalam kurikulum sekolah dapat dilihat sebagai satu usaha untuk menimbulkan dan meningkatkan minat para pelajar dalam bidang seni terutama kraf tradisional tempatan. Sekaligus dapat menyediakan tenaga mahir negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Tujuan utama kerajaan memperkenalkan dasar mengajar seni kraf dalam PSV boleh dilihat dalam beberapa skop yang cukup besar iaitu pada masa akan datang dengan terhasilnya pelajar-pelajar yang berkemahiran dalam kraf akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran seni mereka di sekolah-sekolah seni dan secara tidak langsung mengangkat martabat seni budaya. Di samping itu dapat membina dan memupuk seni budaya kebangsaan dalam kalangan pelajar-pelajar.

Jelas di sini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menetapkan hala tuju pendidikan negara perlu mengikut arus perdana dengan kegiatan ekonomi yang telah beralih dari sektor perindustrian kepada k-ekonomi. Ini bermakna, penguasaan kemahiran dalam seni kraf tradisional iaitu kraf batik adalah wajar dalam pembentukan kurikulum,





skop, pendekatan dan pencapaian supaya Pendidikan Seni Visual di Malaysia berjaya mencapai tahap dunia.

Bagi memastikan dasar baru Kementerian Pelajaran Malaysia mencapai objektif yang dirancang khususnya dari aspek pemahaman, penguasaan serta kemahiran teknik aktiviti seni dalam kalangan pelajar dan guru-guru PSV di sekolah rendah dan menengah harus dipergiatkan. Guru memainkan peranan amat penting sebagai agen perubahan dan pelaksanaan kurikulum di sekolah menengah. Menurut Siti Hawa (1986), guru dianggap sebagai pelaksana perubahan (*explementer of Change*). Guru akan menginterpretasi objektif dan isi kandungan sesuatu kurikulum baru dan seterusnya menguruskan aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah. Usaha ini membolehkan perancangan ditranformasikan menjadi kenyataan.

Sesuatu perubahan hanya akan berjaya jika guru dan pelajar rela menerima idea baru dan ‘mampu’ melaksanakan idea baru tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Mengikut Medley (1982), keberkesanan pengajaran seseorang guru itu boleh diukur dari pelakuan pelajar dan bukannya guru. Oleh itu, prestasi seseorang guru itu merujuk kepada perlakuannya semasa ia mengajar dan beraktiviti di bilik darjah.

Guru ialah seorang ‘pengurus’ kerana melaksanakan beberapa fungsi pengurusan dalam bilik darjah bagi melaksanakan kurikulum. Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan interaksi guru dan pelajar. Hasil perhubungan ini akan menentukan sama ada guru boleh mengajar dan pelajar bersedia belajar. Keberkesanan pengajaran guru bergantung kepada bagaimana seseorang guru itu dapat menyesuaikan diri dan memahami masalah pembelajaran pelajar.

Menurut Paul dan David (1994) dalam buku *Methods For Effective Teaching* berpendapat kualiti perhubungan antara guru dan pelajar mempunyai kesan terhadap kesediaan pelajar mengambil bahagian dalam bilik darjah. Ini bermaksud jika wujud



hubungan yang positif antara guru dan pelajar akan membuat seseorang pelajar itu berusaha dan bekerjasama dengan guru. Bagi seseorang pelajar peranan utama seorang guru ialah mengajar. Selalunya pelajar memerlukan penerangan yang jelas dari guru dan kenyataan yang jelas tentang masalah pembelajaran serta bimbingan ke arah penyelesaian masalah. Hasil kajian oleh Medley (1982) dalam *Teaching Effectiveness* pula mendapati kepimpinan guru dalam bilik darjah mempunyai kesan yang positif terhadap hasil pembelajaran dari segi akademik, sikap dan tingkah laku. Beliau mendedahkan tujuh faktor utama mendorong kepada keberkesanan pengajaran seseorang guru iaitu berketerampilan, suasana pembelajaran yang tenteram, masa yang mencukupi, peralatan yang mencukupi, penghargaan yang tinggi terhadap pelajar, pengesanan kemajuan pelajarnya, dan penyeliaan pengajaran yang berkesan.

Sehubungan itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meninjau kesan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual kraf batik tempatan. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk meninjau sejauh manakah tahap penguasaan dan pemahaman pelajar-pelajar terhadap kraf batik sebagai satu simbol warisan budaya bangsa. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kraf tradisional batik tempatan, khususnya guru-guru Pendidikan Seni Visual bagi mengenalpasti masalah yang timbul dan mencari alternatif yang sesuai bagi mengatasinya. Dengan ini, segala usaha untuk memastikan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Seni Visual akan mencapai objektif dan matlamat seperti yang telah dirancang oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berjalan dengan lancar dan tidak menemui jalan buntu.

Kini dalam Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ada tertera pada pelan pertama iaitu. ‘membina negara bangsa dengan memupuk kecintaan terhadap seni warisan dan budaya’. Ini jelas menunjukkan menerusi pengajaran dan pembelajaran PSV di sekolah adalah satu matlamat penting agar pelajar



berpeluang berkongsi khazanah seni global, serta kemahiran dalam budaya pribumi. Oleh itu Pendidikan Seni dan Budaya patut diperkasa dalam kurikulum PSV agar terus berkembang dan merupakan manifestasi tamadun kehidupan masyarakat terutama dalam golongan pelajar bagi sesebuah negara. Menerusi aktiviti seni dan budaya dalam kurikulum PSV adalah berteraskan seni serta mampu melahirkan modal insan yang berhemah dan bertamadun.

1.1.1 Pendidikan

Pendidikan menurut Hutchins (1972) seperti dipetik oleh Yusuf Hashim dalam buku *Teknologi Pengajaran* (1998) ialah satu harapan masyarakat kerana melalui sistem pendidikan akan memberi sesuatu kemajuan yang ideal kepada generasi akan datang tanpa melakukan apa-apa revolusi atau kecacatan. Oleh kerana masyarakat di Malaysia berupa masyarakat majmuk, maka konsep perpaduan dalam konteks negara ini perlu difahamkan sebagai satu proses yang mengutamakan perpaduan rakyat berbilang kaum selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Perpaduan yang diwujudkan mesti berupaya menangkis gejala-gejala yang boleh memecahbelahkan rakyat untuk mencapai matlamat perpaduan negara ini adalah melalui sistem pendidikan. Jelas ditunjukkan dalam Penyata Razak (1956) yang telah menggariskan dua perkara asas iaitu sistem persekolahan yang sama bagi semua pelajar dan kurikulum sekolah yang sama kandungannya dan bercorak kebangsaan. Matlamat pendidikan dasar hendaklah membentuk satu rupa bangsa yang berasaskan pelbagai kaum.

Pendidikan membawa maksud yang berlainan dan berubah mengikut tujuan dan tugasnya. Pendidikan bukanlah merupakan satu objek atau benda fizikal tetapi sebagai satu idea seperti yang dipetik oleh Yusuf Hashim dalam buku *Teknologi Pengajaran* 1998 (Abd. Rahman dan Zakaria 1987). Menurut Adler (1970) menjelaskan, pendidikan adalah





husus dalam apa jua keadaan yang menunjukkan gabungan antara alam semula jadi dengan manusia. Mereka belajar melalui pengalaman dan penyampaian dengan alam. Manakala mengikut Muhamad Naquid (1980), melihat pendidikan sebagai *The process of instilling something into human being....* . Justeru, kandungan pendidikan ialah ilmu dan proses pendidikan merujuk kepada perintisan ilmu ke dalam diri manusia.

Dalam pendidikan, penyampaian dan perolehan ilmu itu adalah bertujuan untuk membawa perubahan di dalam diri manusia agar terbentuk peribadi mulia. Salah seorang ahli pendidik, Connel (1981) telah merumuskan bahawa pendidikan itu dapat dilihat melalui empat pendekatan utama iaitu pendidikan merupakan proses pengajaran, pendidikan membina serta mendisiplinkan pemikiran, pendidikan membuka potensi manusia dan pendidikan membina semula pengalaman secara berterusan. Terdapat banyak lagi pendapat yang diberikan oleh ahli-ahli pendidik terkemuka seperti Gurrey, Smith, Froebel dan lain-lain sarjana. Oleh itu pendidikan adalah satu proses mengeluarkan manusia yang mempunyai kebudayaan dan pengetahuan yang luas. Mereka yang berpendidikan sentiasa berkhidmat untuk kebaikan manusia dan masyarakat ke arah kemajuan warisan bangsa, agama dan tanah air.

Sistem pendidikan di Malaysia yang telah diperkenalkan melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah kini dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mengandungi konsep kesepaduan atau pengintergrasian dari pelbagai aspek. Dalam melaksanakan proses penyepaduan tersebut, terdapat berbagai-bagai cabaran dan masalah yang perlu dihadapi oleh semua yang terlibat dalam bidang pendidikan.

Menurut Saedah Siraj (2000), dalam buku *Perkembangan Kurikulum Teori dan Amalan*, Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Seri Dr. Mahathir Mohamad, bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan





bersatu padu. Jelaslah bahawa wawasan berkenaan dinyatakan oleh Abu Hassan Adam

(1992: 106) sebagai berikut :

"Menjelang 2020, Malaysia boleh menjadi negara bersatu dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur serta mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental".

Berdasarkan kenyataan di atas, kurikulum pendidikan yang diperkenalkan adalah menitikberatkan perkembangan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu. Selaras dengan hasrat negara masa ini yang memerlukan masyarakat berdaya maju, mampu bersaing dan bergerak aktif serta progresif dalam mencapai kejayaan, maka pendidikan telah diakui sebagai satu laluan utama.

Pendidikan Di Malaysia selaras dengan Perlembagaan Negara, berasaskan Rukunegara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dalam negara yang berbilang kaum, seperti Malaysia, terdapat prinsip kehidupan yang berlainan yang perlu digabungkan secara positif untuk mengekalkan dan mengukuhkan perpaduan masyarakat. Pendidikan digunakan sebagai alat untuk menyedari aspirasi kebangsaan terhadap sosio-budaya, perpaduan, identiti dan pembangunan melalui satu bahasa dan satu kurikulum dengan mengambil kira keperluan individu dan masyarakat. Proses pembangunan negara memerlukan komitmen ke arah perpaduan, pembentukan budaya kebangsaan dan kemajuan teknologi.

Dasar Pelajaran Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 berasaskan Penyata Razak, 1956 dan Laporan Rahman Talib, 1960. Kedua-dua dokumen ini menitikberatkan aspek-aspek yang berkaitan dengan perpaduan negara dan penghasilan tenaga rakyat iaitu perkara-perkara yang menjadi tumpuan utama dalam kajian semula ini. Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, dari segi perpaduan Penyata Razak, 1956 menyatakan:



“Tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negara ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walau pun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur”.

(Penyata Razak, perenggan 20)

Titik permulaan inilah menampakkan cara yang telah dicadangkan oleh Penyata Razak untuk menyatukan kaum-kaum di negara ini menerusi satu sistem pelajaran “bercorak Tanah Melayu”. Penyata Razak juga jelas mengutamakan perpaduan negara sebagai satu matlamat yang perlu dicapai. Ini bermakna bahawa unsur-unsur dan nilai-nilai perpaduan dijadikan teras Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum. Dalam usaha memupuk perpaduan kaum dan keharmonian negara, maka perlu dilaksanakan satu pendekatan yang berteraskan ‘*multiculturalism*’ serta sesuai dengan mata pelajaran yang diajar di sekolah khususnya mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Oleh kerana masyarakat di Malaysia ialah masyarakat majmuk, maka konsep perpaduan dalam konteks negara ini perlu difahamkan sebagai satu proses yang mengutamakan perpaduan rakyat berbilang kaum selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Perpaduan yang diwujudkan mesti berupaya menangkis gejala-gejala yang boleh memecah-belahkan rakyat. Gejala tersebut seperti perkauman, keturunan, agama, bahasa, perasaan kedaerahan dan sebagainya.

Untuk mencapai matlamat perpaduan negara ini adalah melalui sistem pendidikan. Jelas ditunjukkan dalam kandungan Penyata Razak yang telah menggariskan dua perkara asas iaitu sistem persekolahan yang sama bagi semua pelajar dan kurikulum sekolah yang sama kandungannya bercorak kebangsaan.



1.1.2 Latar Belakang Sejarah Pendidikan Di Malaysia.

Melihat kepada perkembangan pendidikan pada zaman sebelum pemerintahan Inggeris, iaitu sebelum abad kesembilan belas, adalah bercorak non-formal. Menurut Sufean Hussin dalam buku *Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah* (1996), kedatangan dan seterusnya campur tangan Inggeris dari abad ke-19 sehingga abad ke-20 dalam pemerintahan Tanah Melayu telah membawa perubahan besar dalam bidang politik, ekonomi dan sosial pada masyarakat peribumi dan masyarakat kosmopolitan yang terbentuk kemudiannya.

Ini dapat dilihat dalam matlamat pendidikan dasar yang mana kita hendaklah membentuk satu rupa bangsa yang berasaskan pelbagai kaum. Sebelum kemerdekaan, kerajaan Inggeris pada awalnya boleh dikatakan tidak berhasrat memajukan bidang pendidikan semasa ia memerintah Tanah Melayu. Atas desakan maka wujudlah sekolah ‘vernakular’ bermaksud ‘bahasa pengantar bahasa ibunda’. Dasar Inggeris memberikan kelonggaran dalam hal penubuhan sekolah-sekolah telah menyebabkan penubuhan sekolah-sekolah Inggeris oleh pendakwah Kristian, sekolah vernakular China oleh masyarakat China, sekolah vernakular Tamil oleh pemilik-pemilik ladang kopi dan getah manakala sekolah-sekolah rendah vernakular Melayu untuk kaum Melayu.

Jelas di sini menunjukkan bahawa matlamat pendidikan dasar hendaklah membentuk satu rupa bangsa yang berasaskan pelbagai kaum. Sekolah-sekolah vernakular Melayu, China dan Tamil hendaklah dibubarkan dan digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan di mana bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Fenomena ini telah menimbulkan kerencaman masalah dan mempengaruhi perkembangan sistem pendidikan sehingga hari ini.

Selepas kemerdekaan Malaya tahun 1970 boleh dianggap sebagai era penyusunan semula sistem pendidikan bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak.





Tahun-tahun 1970 sehingga 1990 boleh dianggap sebagai era pembangunan dan pengukuran sistem bagi mencapai hasrat pendidikan yang berkualiti dan kemajuan bidang ekonomi dan sosial.

1.1.3 Latar Belakang Sejarah Pendidikan Seni Di Malaysia.

Melihat kepada pelbagai usaha telah dilakukan dalam mempertingkatkan pengajaran seni di sekolah-sekolah atau di institusi-institusi pengajian. Menurut D'zul Haimi (1992) dalam kertas kerja yang bertajuk *Seni Ke arah Wawasan 2020* menjelaskan bahawa Pendidikan Seni adalah antara usaha-usaha tersebut seperti dalam Laporan Dr. Bell di Madras dan Doctrine Lord Macaulay tahun 1835, Pengenalan Pendidikan Seni pada tahun 1900 oleh kerajaan Selangor, Pembinaan '*Malayan Art School*' tahun 1902 oleh kerajaan Perak di bawah naungan Sultan Perak, serta sumbangan O.T. Dussek di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim tahun 1930-an, Penubuhan Majlis Kesenian Melayu di Kuala Lumpur tahun 1956, Penubuhan Maktab Perguruan Ilmu Khas di Jalan Cheras, Kuala Lumpur pada tahun 1960. Penubuhan Kajian Seni Lukis & Seni Reka, Institut Teknologi MARA tahun 1967 dan seterusnya Kursus Pendidikan Seni tahun 1973, Penubuhan Kursus Seni Halus di Universiti Sains Malaysia dan seterusnya dengan bercambahnya institusi-institusi seni persendirian atau swasta di sekitar Lembah Kelang. Masing-masing dengan kaedah kurikulumnya yang tersendiri.

Menurut Sufean Hussin dalam buku *Pendidikan Malaysia* (1996), mencatatkan bahawa pada tahun 1916 R.O. Winstedt, Timbalan Pengarah Pendidikan ketika itu telah berusaha memperbaiki kurikulum sekolah-sekolah Melayu dengan menjadikan lebih relevan dengan cara hidup masyarakat setempat. Beliau telah memperkenalkan kurikulum vokasional seperti pertanian, membuat bakul, membuat tikar, membuat jaring dan ilmu masakan.



Gambaran ini banyak menunjukkan arus perkembangan Pendidikan Seni tanah air ketika itu. Tambahan pula dengan pengenalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), seterusnya rombakan serta mengemaskini kedudukan Kurikulum KSSR (Kajian Seni Lukis & Seni Reka, Institut Teknologi MARA) dapat meneruskan kurikulum Pendidikan Seni yang lebih terancang dan tersusun.

Sejarah seni paling awal di Malaysia dapat dikesan sebelum kedatangan Sistem Pemerintahan Inggeris lagi. Ini terbukti melalui hasil seni seperti tekstil, pembuatan sampan, pembuatan hasil tembaga, keris, pembuatan syiling dan alatan perhiasan dengan blok beracuan, wayang kulit, batik, tembikar dan lain-lain. (Winstedt, 1947). Di Malaysia, pengaruh seni lukis barat dan nilai budayanya bermula apabila pengajaran seni secara formal di sekolah-sekolah telah diperkenalkan oleh penjajah Inggeris. Sekolah yang menempatkan seni sebagai satu mata pelajaran yang mula-mula diajar adalah di Penang Free School di Pulau Pinang pada tahun 1861. Melalui kurikulumnya, lukisan dan catan telah diperkenalkan kepada pelajar melalui pengajaran formalnya di bilik darjah.

Selepas merdeka, Malaysia telah mula memperkenalkan kurikulum kebangsaan dalam sistem pendidikan negara dengan bertujuan untuk memperkenalkan kebudayaan, aspek-aspek sosial selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Menurut Stedman (1986) dalam buku "*Malaysia*" ada menulis, bahawa selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia mula memajukan identiti sendiri yang berasaskan budaya sendiri yang mana kaya dalam masyarakat yang berbilang kaum seperti Melayu, China dan India. Oleh itu, pada tahun 1957, Bahasa Melayu telah diwajibkan penggunaannya di kalangan rakyat berbilang kaum sebagai alat perpaduan. Melalui Pendidikan Seni, guru boleh cuba untuk mengubah paradigma pelajar yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kebudayaan dalam pelbagai aktiviti seni. Feldman (1996) dalam bukunya *Philosophy of Art Education* berpendapat bahawa budaya, seni dan kehidupan tidak boleh dipisahkan. Ini jelas dalam kenyataan



Feldman bahawa setiap guru Pendidikan Seni perlu mengambil bahagian dan bertanggungjawab dalam perubahan sosial kehidupan bagi menyumbang dan memindahkan seni dalam kebudayaan. Melalui budaya seni pelajar akan dapat lihat dunia dengan apa yang mereka minat dan suka, apa yang dikehendaki dan memerlukan, dan apa yang diminta agar dapat membuat pilihan. Melalui senilah dan kebudayaan para pelajar dapat melihat dunia luar yang lebih luas serta dapat mempelajari sesuatu yang berlainan dan baru. Guru Pendidikan Seni perlu memahami bagaimana keperluan sosial dapat membantu memperkembangkan bakat dan daya kreativiti pelajar. Memandangkan sekolah-sekolah di Malaysia terdiri daripada pelajar-pelajar pelbagai kaum dan berbeza bentuk kebudayaan. Oleh itu, dalam usaha memupuk perpaduan kaum dan keharmonian negara dalam sistem pendidikan terutama dalam Pendidikan Seni, maka satu pendekatan perlu berteraskan '*multiculturalism*' dilaksanakan di sekolah. Peranan gurulah bertindak membawa perubahan minda dan paradigma pelajar yang mungkin terikat atau tahu berkenaan dengan sosial budaya dalam lingkungan mereka.



Manakala menurut Amir Hassan Dawi (1999) dalam buku *Pentoeorian Sosilogi dan Pendidikan* juga mengetengahkan tanggapannya yang mana seiring dengan Feldman.

"Budaya secara ringkas merujuk kepada ciri-ciri dan hasil tingkahlaku yang dipelajari oleh sekumpulan manusia daripada persekitaran sosialnya. Budaya sebagai warisan sosial manusia, cara pemikiran, perasaan dan aksi yang dipindahkan daripada generasi ke generasi merangkum budaya material (batu, gangsa, keris, pakaian, kereta, komputer dan sebagainya) dan bukan material (norma, kepercayaan, simbol, adat serta adap dan sebagainya)".

(Amir Hassan, 1999:150)

Jelas menunjukkan bahawa guru benar-benar perlu bersedia dengan asas pengetahuan sosial yang kukuh, khususnya dalam masyarakat yang berbilang kaum bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni agar lebih berkesan.

Pendidikan Seni dalam kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di Malaysia ditujukan khusus ke arah melengkapkan perkembangan diri seseorang melalui nilai peribadi individu dan pemupukan kesedaran terhadap kegunaan seni dalam kehidupan





sehari-hari serta penghargaan hasil seni sebagai sumbangan kepada warisan budaya.

Menurut Mohd Johari Ab Hamid (2004) dalam buku *Pendidikan Seni Visual Dan Muzik* menjelaskan bahawa;

"Seni merupakan satu bidang yang amat menarik. Seni mempunyai pengertian yang terlalu luas. Seni itu indah. Seni itu halus. Seni itu mempunyai nilai estetika yang tinggi. Seni ada pelbagai bidang. Seni bukan satu pengkhususan yang mekar dalam kepompongnya sahaja. Membicarakan subjek seni memerlukan keterbukaan minda pada semua individu dan masyarakat. Dari sudut psikologi seni dinyatakan sebagai 'santapan jiwa' tanggapan masyarakat di zaman prasejarah menganggap seni sebagai sumber terpenting dalam kehidupan manusia. Untuk berkomunikasi, berinteraksi dan berhubung sesama manusia, kesenian adalah penghubung kepada faktor-faktor terpenting ini".

(Mohd Johari, 2004:165)

Manakala menurut Croce and Collingwood (1972) pula menyatakan bahawa seni merupakan suatu imej mental di mana objek yang ideal boleh dihasilkan oleh fikiran pemerhati dalam bentuk fizikal melalui bahan terhasil daripada karya yang sebenar.

Ini jelas menunjukkan bahawa Pendidikan Seni merupakan satu cabang subjek yang dipraktikkan di dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Ia menggabungkan aspek teori dan amali dengan bertujuan melahirkan individu yang bersepadu melalui peningkatan dan kemahiran dan pengetahuan. Pendidikan Seni Visual suatu bidang ilmu yang memberi pendidikan kepada yang terlibat menerusi aktiviti seni. Dalam susunan pendidikan negara berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, mata pelajaran Pendidikan Seni Visual berperanan memberikan sumbangan ke arah perkembangan kualiti peribadi pelajar dan bergantung kepada peningkatan daya persepsi, estetik dan kreativiti.

Menurut Iberahim Hassan (2000) dalam buku *Kumpulan Esei Pilihan Pendidikan Seni Dan Muzik*, satu kajian telah dibuat di Amerika tahun 1986 (oleh *American Educational Policies Commission*, 1968) telah mendapati bahawa pengalaman menerusi kegiatan seni adalah ideal untuk mencambah, melatih, dan merangsang daya imaginatif dan mengembangkan pemikiran kreatif pelajar. Menerusi pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan suatu ruang yang boleh digunakan oleh pelajar untuk berkreaitif dengan tidak memerlukan latar belakang dan pengetahuan yang tinggi tentangnya.



Justeru, seni juga dapat melambangkan tamadun dan budaya sesuatu masyarakat.

Oleh itu, warganegara diajar menggunakan seni bagi menyatukan hasrat, idea, nilai dan pandangannya mengenai pelbagai bidang kehidupan yang dialaminya. Kurikulum Pendidikan Seni Di Malaysia merangkumi kajian mengenai hasil seni di dalam budaya dan menegaskan kajian hasil setempat dan kebangsaan serta unsur-unsur seni dalam alam sekitar. Melalui kefahaman tentang hasil-hasil seni negara, penghargaan terhadap warisan budaya dapat dipupuk. Bagi meningkatkan mutu Pendidikan Seni, satu usaha membentuk kurikulum yang berkesan perlu dilakukan.

1.1.4 Pendidikan Seni Untuk Tujuan Perpaduan

Mengimbas kembali dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan, salah satu daripada tujuan pendidikan yang utama adalah memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum. Ini jelas bahawa, atas dasar inilah maka matlamat dan objektif Pendidikan Seni Visual boleh dijadikan asas dan dinyatakan dengan jelas. Menurut Iberahim Hassan (2000) dalam buku *Kumpulan Esei Pilihan Pendidikan Seni dan Muzik*, Chalmers (1996), dan Degge telah melihat bahawa Pendidikan Seni dari perspektif budaya. Isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual berlandaskan budaya antara kaum yang terdapat dalam masyarakat majmuk di Amerika.

Semua pelajar telah didedahkan dengan nilai-nilai seni yang menimbulkan rasa kesedaran dan kefahaman serta membangkitkan rasa hormat antara budaya. Jelas bertujuan memupuk semangat perpaduan dan rasa hormat antara kaum. Mc.Fee (1993) bersetuju akan pandangan tersebut dan menyatakan bahawa objektif-objektif dalam Pendidikan Seni Visual ini adalah bersandarkan kepada enam fungsi seni dalam masyarakat yang boleh disemai dalam kalangan pelajar-pelajar adalah:-



- Seni untuk memperkayakan kualiti sesuatu perayaan atau upacara ritual bagi sesuatu peristiwa atau sambutan.
- Seni berfungsi sebagai indeks untuk membezakan sesuatu identiti.
- Seni sebagai indikator yang menentukan status dan peranan dalam masyarakat.
- Seni sebagai alat komunikasi yang merekod, menyimpan dan menjana idea-idea dan kualiti.
- Seni berperanan untuk menstabilkan sesuatu budaya dalam menghadapi arus perubahan.
- Seni juga boleh dijadikan sebagai alat untuk meruntuhkan sesuatu budaya.

Diharapkan tujuan bagi memupuk perpaduan adalah murni dan bersesuaian dengan suasana masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia. Sementara menurut Feldman (1972) menggunakan pendekatan humanistik dalam mengstruktur kurikulum Pendidikan Seni yang menekankan kepada empat bentuk pengajian iaitu:

- Pengajian Kognitif
- Pengajian Linguistik Visual
- Pengajian Media
- Pengajian Kritikan Seni.

Pendekatan ini jelas bertujuan untuk meningkatkan kualiti individu lain terutama dalam kalangan pelajar yang berbilang kaum. Melalui Pendidikan Seni Visual, penerapan pelbagai budaya dapat dipersembahkan dengan jelas dalam kurikulum Pendidikan Seni.

1.1.5 Pendidikan Kraf Dan Matlamat.

Pendidikan kraf atau hasil kerja tangan merupakan lambang jiwa sebuah negara, mencerminkan cara hidup dan ciri-ciri abadi masyarakatnya. Warisan turun-temurun



merupakan khazanah negara yang amat bernilai. Kemahiran, ketekunan dan kepekaan telah melahirkan hasil kraf yang mempunyai unsur terbaik dan bermutu.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga 1994*, 'kraf' adalah perusahaan kerja seni yang memerlukan kemahiran terutamanya kemahiran menggunakan tangan. Manakala menurut *Ensiklopedia Malaysiana 1996*, 'kraf' bermaksud tangan seni mencipta yang memerlukan kemahiran tangan. Kraf merupakan pancaran dan penjelmaan estetika budaya Melayu dan dikesan melalui bentuk, motif, warna, ruang dan perlambangan. Dalam perspektif kesenian barat sejak zaman Plato, Aristotle dan Socrates sehinggalah ke akhir abad ke-19, aktiviti seni sering dihubungkan dengan teori meniru alam (*art imitate nature*). Dalam kraf tradisional Melayu, wujud motif-motif yang menjadi simbol kepada kehidupan dan peradaban Melayu. Seniman melihat alam kosmos sebagai warisan idea yang memberi wajah kepada penjelmaan kreativiti dan imaginasi mereka.

 05-4506832
 pustaka.upsi.edu.my
 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
 PustakaTBainun
 ptbupsi

Pendidikan kraf boleh memupuk daya kreativiti seseorang, agar idea tidak menjadi kaku. Mereka boleh mengolah sesuatu bahan yang sedia ada. Penghasilan kraf juga melibatkan emosi atau psikologi. Kraf juga mendedahkan kita kepada pembelajaran secara realiti kerana memerlukan latihan secara praktikal. Penghasilan kraf boleh dianggap sebagai '*mastery of process*' atau proses utama kerana menghasilkan kraf, manakala tukang kraf dipupuk dengan daya keyakinan yang tinggi untuk menghasilkan dan membuat penerokaan dan penganalisaan secara lebih mendalam.

Dalam pengurusan atau prosedur kerja yang baik tidak semestinya menolak kreativiti seseorang kerana bidang kraf adalah bidang yang bebas, tidak semestinya sesuatu teknik yang dipilih lebih baik dari teknik yang lain, begitu juga sebaliknya. Di sinilah letaknya peranan yang dimainkan oleh guru untuk membimbing pelajar dan mereka lebih mengetahui cara untuk mengatasi sesuatu masalah yang timbul.

Kesimpulan pendidikan kraf dikategorikan sebagai pendidikan yang melibatkan moral dan ekonomi. Kita boleh merumuskan salah satu cara yang afektif dalam



penghasilan kraf ialah gabungan kemahiran dan nilai sesuatu kraf yang mendatangkan keuntungan kepada masyarakat dari segi fungsi, kegunaan, kefahaman dan nilai estetika. Mempelajari kraf boleh memberi pendedahan kepada pelajar betapa pentingnya menghargai anugerah alam bukan sahaja untuk kegiatan ekonomi semata-mata.

Pendidikan kraf batik merupakan satu aktiviti seni yang memerlukan kemahiran yang betul-betul cekap serta mahir dalam sesuatu bidang melalui warisan kraf tradisional. Justeru, untuk pekekalan dan peningkatan warisan budaya, penerapan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kraf batik di sekolah dapat membentuk satu identiti seni Malaysia. Kesemua ini digariskan dalam matlamat Pendidikan Seni yang perlu dimanfaatkan adalah melalui pengetahuan, penghayatan, ketrampilan dan penilaian sikap terhadap seni yang akan mendokong Malaysia sebagai sebuah negara yang berbudaya tinggi. Ini jelas menunjukkan dalam pelaksanaan sekolah seni yang sejajar dengan membangunkan modal insan yang telah bermula pada Januari tahun 2007. Ini memetik daripada Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Hussein (2006 Julai 21). Pendidikan. *Berita Harian*, 12, menyatakan pengenalan sekolah ini sejajar matlamat kerajaan dalam membangunkan modal insan dalam pelbagai bidang, termasuk kesenian kerana bidang itu dapat menghubungkan pelajar dengan dunia luar. Selain itu beliau menjelaskan bahawa pelajar akan mengikuti subjek kesenian peringkat menengah rendah dan bidang pengkhususan di peringkat menengah atas. Penjelasan dan penegasan beliau bahawa para pelajar lulusan dari sekolah seni mempunyai peluang yang luas untuk menyambung pelajaran ke peringkat tinggi dan mempunyai kerjaya. Kementerian juga telah mengambil kira Pendidikan Seni sebagai subjek penting dalam membentuk kestabilan mental dan emosi pelajar bagi melahirkan modal insan serba boleh serta cemerlang akademik dan seni.

Melalui peningkatan dan penguasaan serta kemahiran kraftangan dalam aktiviti Pendidikan Seni dapat mewujudkan suasana proses pengajaran dan pembelajaran batik



yang lebih berkesan. Ia juga berperanan untuk melahirkan pelajar yang berketrampilan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam kraf batik. Maka pengkaji ingin membuat satu kajian tentang keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran penghasilan batik tradisional.

1.1.6 Tujuan Pendidikan Kraf Batik.

Tujuan pendidikan kraf batik yang diperkenalkan kepada pelajar telah membuktikan kesungguhan dalam memartabatkan seni warisan bangsa. Ini menunjukkan satu-satunya matlamat utama kurikulum Pendidikan Seni Visual dengan melahirkan seramai mungkin para pendidik atau guru serta pelajar yang berkualiti dalam penghasilan kraf batik. Selain daripada itu pendidikan kraf batik dapat memupuk rasa kecintaan, penghargaan dan pemahaman seni tradisional bangsa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Pendidikan Seni. Melalui peningkatan dan penguasaan ilmu pengetahuan serta kemahiran kraftangan yang akan mewujudkan suasana proses pengajaran dan pembelajaran kraf batik yang lebih berkesan.

Kraf batik adalah seni kraftangan yang begitu sinonim dengan budaya Malaysia. Perkembangan batik bermula daripada industri desa atau kampung hingga berkembang menjadi industri yang memberi pulangan kepada ekonomi negara. Kraf batik juga dianggap kraftangan *evergreen* yang bernilai komersial dan terus diminati ramai. Bagaimanapun, apa yang pasti sentuhan nafas baru perlu diberi dalam penghasilan kraftangan ini supaya ia dapat diperluaskan dan diterima pakai oleh pelbagai masyarakat tempatan dan juga pelancong luar negara sebagai fabrik bermutu yang digemari.

Jelas menunjukkan bahawa dunia seni dengan pendidikan kraf yang diterapkan dalam kalangan pelajar Pendidikan Seni Visual amat diharapkan agar kraf tradisional ini dapat bertahan lama dan dikenang sepanjang hayat.



1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual, pendidikan kraf batik melalui proses pengajaran dan pembelajaran merupakan kandungan bagi pemahaman dan penghargaan yang merangkumi aspek-aspek pengetahuan mengenai sesuatu hasil seni dan kraf serta pengetahuan mengenai pelukis dan pandai tukang yang menghasilkannya. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perkembangan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kraf batik di sekolah. Ini membolehkan pelajar mengenali dan menghargai hasil kraf tempatan dan kebangsaan serta menghargai sumbangan pelukis dan pandai tukang kepada seni budaya. Bertujuan untuk menampakkan persamaan dan kelainan dengan budaya negara Malaysia sebagai peluasan pengetahuan dan juga mengukuhkan lagi pemahaman dan rasa kecintaan pelajar terhadap seni kraf batik tempatan.

Jelas di sini, kajian tentang keberkesanan kraf batik di sekolah dalam konteks pengajaran dan pembelajaran adalah gabungan penerapan nilai murni beserta pengajaran kemahiran, pemahaman dan penghargaan. Ini menjadi asas kesepaduan. Keberkesanan ini dilihat untuk memastikan perkembangan pemikiran pelajar bersama-sama dengan pemupukan nilai-nilai menghargai keindahan dan kebaikan. Ini adalah selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kraf batik di sebuah sekolah yang dikaji bagi pelajar tingkatan empat dilihat dalam beberapa permasalahan. Antara permasalahan yang timbul adalah minat pelajar terhadap seni dan kraf masih pada tahap sederhana. Mereka berpendapat bahawa kraf batik dalam seni tidak membawa faedah atau keuntungan besar pada masa hadapan. Selain itu, hasil tinjauan yang diperoleh bagaimanakah guru itu dapat menggunakan kaedah yang sesuai untuk menarik minat pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran kraf batik? Apakah kaedah-kaedah seperti kaedah '*New Studio*', Kaedah Studio, Kaedah '*Profesional Artist*' ini boleh menarik dan





merangsang pelajar? Berdasarkan kaedah-kaedah ini, dapatkah ia disesuaikan dan diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran agar berkesan dan menarik.

Pelbagai masalah lain yang timbul dan dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran kraf batik di sekolah ini. Antara lain seperti kekurangan masa untuk guru seni menyampaikan pengajaran yang lebih berkesan. Ada dalam kalangan pelajar mengambil sikap sambil lewa sahaja terhadap pengajaran ini kerana pada tanggapan mereka mata pelajaran ini tidak penting dan merupakan pengecualian kertas Pendidikan Seni Visual dalam peperiksaan.

Bilik seni yang tidak cukup ruang yang luas untuk beraktiviti seni serta tidak lengkap untuk menjalankan aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah faktor utama kerana jumlah pelajar yang ramai. Masalah kekurangan guru yang mahir dalam kraf batik serta kekurangan bahan dan peralatan membuat kerana kos adalah tinggi.

Selain itu peranan guru Panitia Pendidikan Seni di sekolah tersebut amat penting bagi menguruskan perjalanan serta pengurusan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar dan berkesan. Guru seni perlu memahami tahap intelektual, kesediaan, dan pemahaman pelajar dalam pengajaran kraf batik di sekolah.

Proses pengajaran Pendidikan Seni Visual dalam kraf batik yang berkesan adalah bergantung kepada sikap, keupayaan, kemahiran, pengetahuan dan minat guru itu sendiri.

Kajian ini melalui tinjauan, memperlihatkan proses pengajaran kraf batik di sekolah lebih berkesan, jika aktiviti kraf batik ini dijalankan dan diajar dalam aktiviti kokurikulum persatuan seni di sekolah. Ini dapat menyedarkan serta mendedahkan pelajar kepada unsur-unsur kesenian tradisional sebagai satu warisan budaya. Pendidikan Seni dengan misi utamanya untuk melahirkan satu generasi yang berbudaya, beretika, kreatif, inovatif dan produktif khususnya dalam hal merekacipta dalam kraf batik, sudah pasti akan memberi kesan kepada peningkatan mutu karya, mutu barangan dan seterusnya mutu perusahaan serta perindustrian negara.



Sekiranya pengajaran dan pembelajaran kraf batik yang berkesan serta bersistematik akan melahirkan insan atau pelajar yang celik budaya dan celik seni serta dapat mengamalkan segala kesempurnaan dalam urusan kehidupan. Pelajar akan berbangga dengan segala bentuk warisan seni dan tokoh-tokoh serta berusaha untuk memeliharanya. Selain itu, keberkesanan akan pengajaran kraf ini akan dapat meniupkan sentimen kebangsaan supaya mengeratkan kefahaman dan kesejahteraan di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, keturunan dan agama.

1.3 Pernyataan Masalah

Melalui proses Pendidikan Seni Visual di peringkat sekolah, kraf tradisional batik bertujuan untuk menghidupkan kembali bidang kraf agar bersesuaian dengan kehidupan moden serta pembaharuan dalam pelbagai aspek tanpa menghilangkan nilai jati diri. Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang memiliki pemahaman, rasa kecintaan serta penghargaan dan mempunyai kemahiran dalam menghasilkan kraf tradisional batik.

Melalui peningkatan dan penguasaan ilmu pengetahuan serta pemahaman dan kemahiran kraftangan, maka ia akan mewujudkan suasana proses pengajaran dan pembelajaran batik yang lebih berkesan dan menyeronokkan. Ini dapat mengekalkan dan meningkatkan seni warisan budaya, malah dapat membentuk suatu identiti seni Malaysia. Jelas di sini bahawa dengan apa yang digariskan dalam matlamat Pendidikan Seni Visual yang perlu dimanfaatkan iaitu pengetahuan, penghayatan, ketrampilan dan penilaian sikap terhadap seni yang mendukung Malaysia sebagai sebuah negara yang berbudaya tinggi. Oleh itu kajian ini akan dapat memperjelaskan:

1.3.1 sejauh mana pemahaman pelajar terhadap keberkesanan pengajaran kraf batik di sekolah.

1.3.2 peranan guru dalam membimbing pelajar serta dapat menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran seni khususnya dalam aktiviti kraf batik di sekolah.

1.3.3 Sikap penerimaan pelajar terhadap seni kraf tempatan yang dipelajari di sekolah.

1.4 Tujuan Kajian.

Dalam kajian yang dijalankan ini dapat memperlihatkan kewujudan kraf batik tradisional yang masih kekal sebagai satu warisan budaya. Selain itu kajian ini dapat mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kraf batik di sekolah yang menjadi pilihan serta maklumbalas tentang permasalahan pengajaran dan pembelajaran. Juga melihat kepada usaha dan kreativiti guru dalam penggunaan teknologi maklumat ICT untuk penyampaian tajuk kraf batik sebagai sumber perisian pelajaran tersebut agar lebih menarik dan berkesan.

Perkara utama kajian ini adalah untuk memperkenalkan dan memahami seni dalam budaya kebangsaan di peringkat sekolah untuk menambah pengetahuan, pemahaman dan penghargaan pelajar tentang perkembangan seni dalam negara, ciri estetik, sumbangan seni dalam konteks warisan budaya. Melihat pemahaman serta penghargaan pelajar terhadap seni kraf batik di sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui dua orang guru Pendidikan Seni yang berbeza dari segi opsyen dan kemahiran. Ia juga membolehkan pelajar mempunyai daya kritikan yang rasional tentang seni dan kraf. Justeru, dapat memupuk nilai murni dalam diri pelajar seperti menghargai hasil budaya. Melalui kajian ini dapat menyakinkan pelajar dan masyarakat bahawa bidang kraf batik akan kekal sebagai kraf warisan negara yang dapat memekarkan tradisi-tradisi yang sedia ada serta menjadikan karya-karya sebagai barangan kraf yang benar-benar abadi.



1.5 Soalan Kajian.

Dalam kajian ini terdapat beberapa persoalan yang hendak dikemukakan kepada pelajar-pelajar tingkatan empat dalam pengajaran kraf batik. Persoalan-persoalan yang timbul adalah seperti berikut:-

- 1.5.1 Apakah masalah yang dihadapi pelajar dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran kraf batik di sekolah.
- 1.5.2 Bagaimanakah penerimaan pelajar terhadap pelajaran kraf batik dalam Pendidikan Seni Visual melalui penyampaian daripada dua orang guru yang berbeza dari segi opsyen dan kemahiran seni.
- 1.5.3 Apakah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ini dapat menerapkan rasa cinta dan penghargaan pelajar terhadap kraf batik dalam Pendidikan Seni Visual.
- 1.5.4 Apakah yang dapat dijelaskan oleh pelajar tentang pemahaman dan penghargaan mereka terhadap tokoh-tokoh seni kraf batik tempatan.
- 1.5.5 Apakah kaedah-kaedah yang sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam aktiviti membatik agar dapat menarik minat pelajar untuk menghayati kraf sebagai satu warisan budaya.
- 1.5.6 Bagaimanakah tahap keberkesanan pencapaian pemahaman pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran kraf batik oleh guru yang berbeza.

1.6 Kepentingan Kajian.

Melalui kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran dan pengetahuan serta pemahaman kepada pelajar dan masyarakat tentang kraf batik tradisional yang diajar di sekolah. Dapat mempertingkatkan pemahaman, penghargaan dan kemahiran dalam menghasilkan kraf





tradisional mengikut disiplin-disiplin dan penggunaan pengetahuan asas senireka dalam penghasilan kraf batik.

Selain itu melalui keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kraf batik di sekolah akan dapat melahirkan rasa bangga dan cinta terhadap kraf tradisional sebagai suatu identiti warisan bangsa. Pelajar peka terhadap keperluan semasa dan perkembangan teknologi dalam mempertingkatkan nilai kraf tradisional. Pelajar-pelajar akan ada rasa menyedari aspek-aspek pemeliharaan dan penjagaan serta penilaian kraf.

Akhir sekali kepentingan kajian ini akan dapat mengamalkan sikap bertanggungjawab, bersih, kerjasama, kreatif, tekun dan teliti. Membolehkan pelajar mempunyai daya kritikan yang rasional tentang seni dan dapat memupuk nilai murni dalam diri pelajar seperti menghargai hasil budaya sebagai warisan budaya bangsa.

1.7 Batasan Kajian.



Kajian ini menyentuh aspek pengajaran dan pembelajaran kraf batik di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram, Kuala Selangor. Terdiri daripada beberapa orang pelajar dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dan dua orang guru yang mengajar kraf batik dalam Pendidikan Seni Visual.

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram, Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. Pelajar-pelajar tersebut ditemubual berpandukan soalan-soalan yang disediakan serta menjawab soalan-soalan ujian berkaitan dengan pemahaman dan penghargaan kraf batik.

Kajian ini juga memperlihatkan sejauh manakah keberkesanan kraf batik yang diajar di sekolah secara tradisional, dan penguasaan serta pemahaman pelajar terhadap pandai batik di Malaysia serta perkembangannya di dunia seni melalui dua orang guru yang berbeza dari segi opsyen dan kemahiran seni.

